

Mencuri

Allah s.w.t berfirman:

“Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana” (Al-Maidah:38)

Ibnu Syihab mentafsirkan ayat di atas sebagaimana berikut: *“Allah menjatuhkan hukuman potong tangan bagi siapa saja yang mencuri harta orang lain. Allah Maha Perkasa dalam menghukum si pencuri. Allah Maha Bijaksana dalam menetapkan kewajiban potong tangan itu.”*

Rasulullah s.a.w bersabda, *“Tidaklah beriman seorang pezina semasa dia berzina. Tidaklah beriman seorang pencuri semasa dia mencuri. Namun pintu taubat senantiasa terbuka.”*

Abdullah bin Umar meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w memotong tangan seseorang yang mencuri perisai bernilai tiga dirham.¹

Aisyah r.ha berkata, *“Adalah Rasulullah s.a.w memotong tangan pencuri yang bernilai seperempat dinar atau lebih.”*²

Dalam satu riwayat disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, *“Pencuri tidak dipotong tangannya jika harga barang yang dicurinya lebih rendah dari harga perisai.”* Lalu Aisyah ditanya, *“Berapakah harga perisai?”* “Seperempat dinar.”, jawabnya.³

Dalam riwayat yang lain baginda s.a.w bersabda, *“Potonglah (tangan pencuri) dalam lks curi bernilai seperempat dinar dan janganlah kamu potong dalam kes curi yang nilainya lebih rendah dari itu!”*⁴

Seperempat dinar pada masa itu sama dengan tiga dirham. Satu dinar bermakna dua belas dirham.

Abu Hurairah r.a meriwayatkan Rasulullah s.a.w bersabda:

*“Allah melaknat seorang pencuri yang mencuri telur lalu dipotong tangannya dan mencuri seutas tali lalu dipotong tangannya.”*⁵

Al-A'masy mengulas tentang hadits di atas dan berkata, *“Para sahabat mentafsirkan ‘sebutir telur’ dalam hadits tersebut dengan topi besi, dan seutas tali sebagai tali yang nilainya sama dengan tiga dirham.”*

Aisyah r.ha berkata, “Seorang wanita dari suku Makhzum pernah meminjam barang, namun dia tidak mengaku. Lalu Nabi s.a.w memerintahkan untuk memotong tangannya. Keluarga wanita itu berjumpa Usamah bin Zaid untuk memintakan keringanan kepada Nabi. Lalu Usamah memberitahu hal itu kepada Nabi s.a.w Mendengarnya, Nabi bersabda, “Wahai Usamah, aku tidak ingin melihatmu memintakan keringanan berkenaan dengan hukum had yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t.”. Setelah itu Nabi s.a.w berdiri berkhotbah,

“Sesungguhnya kebinasaan orang-orang sebelum kamu dahulu adalah kerana membiarkan orang mulia (bangsawan) yang mencuri tanpa dijatuhkan hukuman. Sedangkan jika golongan lemah mencuri, maka ia dijatuhkan hukuman potong tangan. Demi (Allah) yang jiwaku ada di tanganNya, seandainya Fatimah binti Muhammad mencuri pasti aku potong tangannya!”

Lalu tangan wanita dari suku Makhzum itu pun dipotong.”⁶

Abdurrahman bin Jarir berkata, “Kami bertanya kepada Fadalah bin Ubaid tentang menggantung tangan pencuri di lehernya, adakah itu termasuk sunnah. Beliau menjawab, Seorang pencuri yang sudah dipotong tangannya dibawa menghadap Nabi s.a.w. kemudian beliau memerintahkan supaya tangan orang itu digantungkan di lehernya.”⁷

Para Ulama berkata, “Taubat seorang pencuri itu tidak berguna kecuali jika dia mengembalikan barang yang telah dicurinya. Jika dia sudah tidak mempunyai apa-apa lagi, maka dia wajib meminta halal apa yang dicurinya daripada pemiliknya.”

Wallahu a'lam.

NOTA KAKI:

1. Sahih. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (95,96,98), Muslim (1686), Abu Daud (4386), An-Nasa'i (8/77) Ibnu Majah (2584) dan Ahmad (2/54)
2. Sahih. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (6789,6790), Muslim (1684), Abu Daud (4384) dan An-Nasa'i (8/78)
3. Sahih. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (6792, 6793, 6794) dan Muslim (1685)
4. Riwayat Ahmad dalam Musnadnya (6/80)
5. Sahih. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (6783,6799), Muslim (1687), An-Nasa'i (8/65), Ibnu Majah (2583), Ibnu Hibban (5748) dan Al-Baihaqi (8/253) dari Abu Hurairah.
6. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (6788), Muslim (1688) dan An-Nasa'i (8/72-73).
7. Diriwayatkan oleh Abu Daud (4411), At-Tirmizi (1447), An-Nasa'i (8/92), Ibnu Majah (2587) dan didha'ifkan oleh Asy-Syaikh dalam *Al-Irwa* (2432) dan *Dha'if Abi Daud* (948)

· Nota: Saringan oleh www.darulkautsar.net dari buku terjemahan “Al-Kabair (Dosa-dosa Besar)’ karangan Imam Az-Zahabi. Buku terjemahan asal boleh dicapai di sini- <https://drive.google.com/file/d/0B0r1wFGeMOw5eDdpZjM4a2YyRG8/edit>